

Ruj kami : AKKM:1/7/3Jld.5 (55)

Tarikh : 27 Jun 2024

Kepada semua
Koperasi / Organisasi Pelanggan
Biro Perkhidmatan ANGKASA (BPA)

السلام علیکم ورحمة الله وبرکاته

PEKELILING KOPERASI BILANGAN : 02/2024.

E-INVOIS.

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. E-Invois merupakan representasi dalam bentuk digital bagi transaksi yang dilaksanakan antara penjual dan pembeli. E-Invois menggantikan penggunaan dokumen kertas atau elektronik seperti dalam format PDF, JPEG, DOC dan lain-lain. Penggunaannya akan melibatkan transaksi Perniagaan-ke-Perniagaan (B2B), Perniagaan-ke-Pengguna (B2C) dan Perniagaan-ke-Kerajaan (B2G).

3. E-Invois mengandungi maklumat penting sama seperti dokumen tradisional seperti butiran penjual dan pembeli, keterangan item, kuantiti, harga tanpa cukai, cukai dan jumlah keseluruhan yang merekodkan data transaksi untuk operasi perniagaan harian.

4. Merujuk pengumuman belanjawan yang dibuat oleh YAB Perdana Menteri berkenaan pelaksanaan e-invois pada 13 Oktober 2023 yang lalu, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) akan menguatkuasakan pelaksanaan e-invois secara berperingkat seperti berikut :

<ul style="list-style-type: none">• Pendapatan Tahunan Syarikat / Koperasi / Perniagaan (pembayar cukai) melebihi RM100 juta	1 Ogos 2024
<ul style="list-style-type: none">• Pendapatan Tahunan Syarikat / Koperasi / Perniagaan (pembayar cukai) melebihi RM25 juta sehingga RM100 juta	1 Januari 2025
<ul style="list-style-type: none">• Semua Syarikat / Koperasi / Perniagaan (pembayar cukai)	1 Julai 2025



5. Oleh yang demikian, ANGKASA mengambil langkah proaktif untuk mengadakan sesi libat urus bersama pelanggan BPA. Taklimat akan disampaikan oleh pegawai daripada LHDNM dan sebarang persoalan boleh dikemukakan semasa sesi tersebut.

Ketetapan tarikh, masa untuk taklimat adalah seperti dibawah.

Tarikh : 17 Julai 2024 (Rabu)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Zoom / Online
Link : <https://us02web.zoom.us/j/85777790072?pwd=Pq9DX7qVTIbHLzZhiEblbhndoT7bvG.1>


Atau

Meeting ID : 857 7779 0072
Passcode : 045103

6. Mohon pelanggan buat pengesahan kehadiran untuk sesi perbincangan seperti masa diatas. Pengesahan dan pendaftaran boleh dibuat dengan menggunakan pautan & QR seperti dibawah.

Link pendaftaran : <https://tinyurl.com/E-Invois>

QR Code :



Sebarang pertanyaan boleh hubungi ANGKASA di talian seperti dibawah:-

1. 03 78846788 - En Erdy Izwan Bin Asli
2. 03 78007837 - En Zahari Bin Omar
3. 03 78846576 - Pn Noor Syarina Binti Johari

Sekian, Terima kasih.

“SADIK, AMANAH, TELUS”

Yang benar,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Mohamad Darulnizam Bin Mat Darus'.

MOHAMAD DARULNIZAM BIN MAT DARUS
Pengurus Besar
Bahagian Perkhidmatan Kredit &Kewangan
ANGKASA